



unicef



telenor  
group

PANDUAN IBU BAPA

CARA UNTUK

# Berbincang tentang Internet dengan anak-anak anda






© Kumpulan Telenor

Oktober 2015

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula kecuali setelah mendapat kebenaran. Kebenaran akan diberi secara percuma untuk institusi pendidikan atau untuk organisasi yang tidak berasaskan keuntungan. Untuk memohon kebenaran dan lain-lain maklumat berkenaan terbitan, sila hubungi: empower@digi.com.my

Segala langkah yang sewajarnya telah diambil oleh Digi dan UNICEF Malaysia untuk menentusahkan maklumat yang terkandung dalam terbitan ini pada tarikh ia dikeluarkan.

[www.digi.com.my](http://www.digi.com.my)   [www.unicef.my](http://www.unicef.my)



1

Bab satu

## *Pengenalan kepada Internet*

2

Bab dua

## *Mengapa saya perlu berbincang dengan anak-anak tentang Internet?*

3

Bab tiga

## *Apa yang perlu saya katakan?*

4

Bab empat

## *Kisah benar tentang kanak-kanak dan Internet*



## Prakata

Jika anda ibu bapa kepada anak berusia 15 hingga 24 tahun di Malaysia, mungkin terdapat warga digital yang tinggal di dalam rumah anda.

Kajian sedunia oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa pada 2013 menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai jumlah ‘warga digital’ keempat tertinggi di dunia. Hampir 75 peratus belia di Malaysia merupakan warga digital. Warga digital ialah individu muda berusia 15 hingga 24 tahun, dengan penggunaan aktif Internet sekurang-kurangnya 5 tahun.

Di Malaysia, kanak-kanak di bawah 15 tahun turut berada dalam talian setiap hari. Ramai menggunakan Internet untuk belajar, meneroka, jaringan dan bersosial, mengikuti perkembangan semasa dalam kehidupan mereka serta berhibur. Semakin ramai kanak-kanak turut menggunakan Internet secara kreatif untuk menghasilkan kandungan, video dan aplikasi serta blog.

Di mana-mana di seluruh dunia, kanak-kanak dapat berada dalam talian dengan pantas melalui bantuan pelbagai peranti, tidak terkecuali kanak-kanak dan remaja Malaysia. Kajian baru-baru ini mendapati pada 2014, 2 daripada 5 pengguna Internet di Malaysia berusia 24 tahun ke bawah dengan 15.5 peratus berusia 19 ke bawah. Sementara itu, 31.3 peratus pengguna telefon bimbit di Malaysia berusia 24 tahun ke bawah

dengan 12.5 peratus berusia 19 tahun ke bawah.

Ketika Malaysia bergerak semakin jauh dalam era digital, jelas bahawa yang akan berada di hadapan adalah kanak-kanak. Namun, kekal menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan mereka sentiasa selamat, nimba pengalaman dalam talian yang membina dan positif di setiap langkah ke alam dewasa. Berkennaan kesemua peralatan canggih itu pula, kita perlu pastikan anak-anak diajar menggunakan Internet dengan selamat dan bertanggungjawab, tanpa membahayakan diri dan orang lain.

Panduan ini untuk ibu bapa yang tidak biasa dengan Internet, keliru dan meragui penglibatan anak-anak mereka dalam talian, juga ibu bapa yang serba tahu Internet dan ingin tahu lebih banyak tentang keselamatan dan aktiviti dalam talian anak mereka. Di mana dan bagaimana anak-anak kita menghabiskan masa dalam talian? Bagaimakah cara melindungi mereka daripada pemangsa, buli siber serta kandungan yang tidak sesuai dan berbahaya? Apakah risiko lain yang mereka hadapi? Apakah sumber yang ada? Bagaimakah cara membincangkan tentang Internet dengan anak-anak kita?

Buku ini adalah permulaan perbualan tersebut.

Salam sejahtera, selamat bayar dan belajar di Internet.



## BAB SATU

## Pengenalan kepada Internet

Percaya atau tidak, suatu masa dahulu, kita bergantung kepada perkhidmatan pos, radio, televisyen, terbitan bercetak dan ensiklopedia berjilid keras untuk berhubung dengan dunia dan mengkaji maklumat. Untuk saling berhubung, kita hanya bergantung kepada perhubungan yang dijalinkan dalam lingkungan tertutup - kawan-kawan, keluarga dan masyarakat di sekeliling kita. Kemudian, wujudlah Internet, dan kita menjadi sebuah masyarakat global yang saling berkait yang membuka jendela-jendela kepada dunia. Hidup kita sudah berubah sama sekali.

Ada negara yang telah menikmati Internet melebihi 20 tahun, dan kini Internet bagai sahabat bagi kebanyakan daripada kita. Menghubungkan seluruh planet, Internet merupakan sumber yang luas dalam

menghubungkan kita semua bersama-sama. Kita boleh menggunakan untuk pelbagai perkara seperti menyiapkan projek sekolah, menghubungi rakan-rakan, mendekatkan jarak antara generasi, belajar memasak resepi popular, menjual hasil buatan sendiri, menonton hiburan popular atau mendapatkan petunjuk arah jika tersesat. Internet membolehkan kita mencari peluang pekerjaan, panduan untuk menyiapkan projek, menguruskan wang, membeli-belah di negara lain, mengkaji projek sekolah, menyiaran buah fikiran dalam jurnal atau ‘blog’ dalam talian dan mempelajari pelbagai perkara yang tidak pernah kita jangkakan.

Kini, Internet menjadikan dunia lebih kecil melalui sentuhan di hujung jari.



# Cara menggunakan Internet dengan betul

1

## Menggunakan Internet untuk belajar dan mencari maklumat

Kini kita boleh gunakan Internet untuk mendapatkan maklumat tentang apa sahaja. Melalui enjin carian seperti Google dan Bing, kita boleh taip satu perkataan atau ungkapan dan halaman-halaman maklumat berindeks tentang subjek tersebut akan muncul di hadapan kita. Melalui video pengajaran di laman web seperti YouTube, kita boleh belajar cara memasak resepi baharu atau cara melipat kapal terbang kertas. Kita boleh mencari maklumat dengan cepat, menerima amaran cuaca, harga makanan, mengkaji maklumat bersejarah, menonton rakaman langsung di seluruh dunia dan melihat gambar tempat-tempat yang dimpikan.

2

## Menggunakan Internet untuk berhubung sesama sendiri

Melalui e-mel, rangkaian sosial dan bual, media sosial, forum dalam talian, program VoIP dan banyak lagi, kita lebih terhubung secara global berbanding sebelum ini, dapat merasa terhubung dengan semua orang di planet ini di mana-mana. Di Bangladesh dan Myanmar, kelas bergerak menghubungkan guru-guru bertauliah dengan masyarakat luar bandar, dan penggunaan bual video menghubungkan doktor-doktor bertauliah dengan pesakit-pesakit di kawasan terpencil. Ringkasnya, Internet adalah alat menakjubkan untuk mengumpul masyarakat bersama-sama, yang sebelum ini mempunyai akses terhad di antara satu sama lain.

3

## Menggunakan Internet untuk hiburan


Dahulu, TV, radio, permainan dan Internet merupakan perkara yang berbeza. Kini, Internet mengumpulkan kesemuanya di satu tempat yang sangat berkuasa. Hiburan Internet dapat diperolehi melalui YouTube, media penstriman, Windows Media Player dan iTunes, media dalam talian, penerima media digital seperti Apple TV, Roku, Xbox dan PlayStation.

4

## Menggunakan Internet untuk mewujudkan peluang

Menggunakan tapak seperti LinkedIn, Etsy, Amazon, Craigslist, Blogger dan banyak lagi boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang berpotensi, peluang membeli-belah dan jualan dalam talian serta peluang menyiar artikel luahan hati anda.

Maka kini, kita bukan sahaja mempunyai akses maklumat sedunia di hujung jari, malah suara kita juga dapat didengari sedunia hanya dengan satu sentuhan. Semuanya kerana Internet.





## Mengapa saya perlu berbincang tentang Internet dengan anak-anak?

### Kerana ilmu adalah kuasa

Dalam dunia yang sentiasa berubah, kita akur bahawa anak-anak kita kini berkembang dengan lebih cepat berbanding sebelum ini. Dalam era super-berwayar ini, kita dapat mengelakkan masalah dengan sentiasa berada selangkah di hadapan ledakan Internet. Dengan mendidik diri memahami kaedah terbaik memaklumkan anak-anak, kita dapat melindungi mereka daripada sebahagian risiko ketika saling terhubung secara global: bahaya penyalahgunaan Internet.

### Mengelakkan bahaya orang asing

Berhubung dengan orang asing melalui media sosial mungkin berisiko untuk anak-anak jika mereka membuat perhubungan yang salah. Memandangkan tiada cara yang benar-benar dapat menentukan kesahihan profil sosial seseorang atau sebaliknya, kita dapat melindungi diri dan anak-anak dengan mengetahui bilamana hubungan atau jalinan dalam talian menjadi berbahaya, agar mengelak daripada mempercayai golongan yang mungkin merupakan pemangsa dalam talian.


Cara terbaik bagi memantau adalah dengan memastikan anda tahu kesemua hubungan media sosial anak-anak anda. Penentuan peringkat umur bagi anak-anak untuk dibenarkan memiliki profil media sosial terletak kepada ibu bapa, tetapi daripada

titik tersebut, anda perlu menangani sebaiknya siapakah kawan-kawan dalam talian mereka.

Jika mereka bukan saudara-mara, bukan dari sekolah yang sama dengan anak anda atau bukan ahli keluarga di kalangan masyarakat anda, maka mereka perlu diperiksa semula.

### Hakikat: Setelah sesuatu berada dalam talian, ia menjadi sangat sukar untuk dipadamkan

Walaupun kita seakan-akan dapat memadamkan suatu pos kerana ia sudah tidak lagi kelihatan, maklumat yang dihantar telahpun dimuat ke Internet. Jika sesuatu berada dalam talian, ia akan kekal di sana selama-lamanya. Kiriman carutan spontan atau aksi mengarut yang kita lakukan di sebuah majlis, sebenarnya tiada butang ‘batal’ atau ‘padam’ yang dapat ditekan. Imej dan teks yang dipos boleh menjadi suatu jenayah, membahayakan orang lain mahupun diri sendiri, kerana ia boleh tersebar dalam tempoh beberapa saat sahaja. Imej-imej boleh disalahguna, diubah malah dikongsi dalam rangkaian yang tidak sesuai, maka berfikir sebelum mengepos amatlah penting. Kajian tentang sikap kanak-kanak dan remaja terhadap Internet sering menunjukkan bahawa majoriti mereka tidak hiraukan pencerobohan privasi mereka atau ketanpanamaan individu yang berinteraksi dengan mereka.





**DIGI**  
**CyberSAFE™ DI SEKOLAH**  
dengan kerjasama Cybersecurity Malaysia

## Keselamatan Internet di Kalangan Kanak-kanak Sekolah Malaysia

Hasil Kajian Kebangsaan 2014

Hasil kajian kebangsaan terbesar terhadap kanak-kanak sekolah mendapati:

**40%** tidak tahu cara melindungi diri mereka dalam talian.



**70%** tidak mengambil berat tentang pencerobohan privasi atau ketanpanamaan orang yang mereka berinteraksi.

**83%** terdedah kepada risiko-risiko dalam talian disebabkan oleh langkah-langkah perlindungan yang minima.

**>40%** mengatakan keselamatan dalam talian adalah penting tetapi hanya mengambil langkah perlindungan yang rendah. Kesedaran tidak semestinya diturut dengan tindakan positif.

**2/3** kanak-kanak di bawah 13 tahun mengambil beberapa langkah-langkah perlindungan dalam talian. Walau bagaimanapun, hanya 52% merasakan diri mereka adalah selamat.

Kanak-kanak terdedah kepada ancaman dalam talian tidak mengira dari mana mereka berasal; bertentangan dengan persepsi bahawa kanak-kanak di bandar mengambil langkah perlindungan yang lebih.

**>70%** melakukan pelbagai bentuk gangguan dalam talian, seperti memanggil seseorang dengan nama yang tidak disukai, dan menghantar mesej atau gambar yang tidak sopan.

**64%** merasakan menghantar SMS atau gambar yang tidak sopan dengan menggunakan nama samaran bukanlah buli-siber.

**26%** pernah mengalami buli-siber, kebanyakannya mereka berumur 13 ke 15 tahun.

Apakah kita sudah melakukan yang sepatutnya untuk melindungi anak-anak?



Perkembangan  
buli-siber yang  
membimbangkan

**>50%** melayari talian tanpa pemantauan, dan 40% mendakwa mereka tidak terikat dengan sebarang undang-undang keselamatan siber.

**61%** kanak-kanak mengadu kepada ahli keluarga apabila menghadapi pengalaman negatif dalam talian.

**6%** memilih untuk berdiam diri apabila dibuli walaupun mempunyai pilihan untuk melaporkannya kepada ahli keluarga, pendidik atau pihak berkuasa.

Keluarga yang meletakkan komputer di rumah lebih bersungguh-sungguh mematuhi keselamatan siber. Walau bagaimanapun, langkah ini sahaja tidak memadai disebabkan bertambahnya jumlah kanak-kanak yang mengakses Internet menggunakan peranti mudah-alih mereka.



## Buli siber

Sesuatu yang tidak berbahaya dalam talian bagi kita mungkin menyusahkan bagi orang lain. Memikirkan tentang cara kita saling ‘berbual’ dalam talian dan cara kita menggunakan Internet untuk berhubung boleh membantu membezakan sama ada sesuatu itu berunsur buli siber atau boleh diterima secara sosial.

Satu kajian di seluruh Malaysia pada 2014, yang mungkin mewakili seluruh Asia suatu hari nanti, mendapati separuh daripada kanak-kanak tidak

diselia ketika dalam talian. Dan kini, satu daripada empat orang pelajar sekolah melaporkan telah dibuli dalam talian, di mana yang berumur 13 hingga 15 tahun yang paling ramai dibuli.

Gangguan dalam talian juga tinggi - hampir tiga daripada empat kanak-kanak mengaku mengalaminya. Antaranya memberi gelaran yang buruk kepada kanak-kanak lain, mengepos mesej dan gambar-gambar yang tidak sepatutnya. Yang

mungkin paling membimbangkan? Dua per tiga kanak-kanak TIDAK menganggap penghantaran SMS, gambar-gambar yang tidak wajar serta berpura-pura menjadi orang lain sebagai buli siber. Pembuli siber sering tidak menyedari akibat perbuatan mereka atau tidak menyedari bahawa mereka sendiri adalah pembuli siber.

Contoh-contoh dari seluruh dunia juga penting untuk diketahui di Asia. Satu kajian di UK pada 2013 ke atas lebih 2000 remaja British mendapati tujuh daripada 10 orang yang berumur di antara 13 dan 22 telah mengalami buli siber. Satu daripada lima remaja berkenaan menganggap kes mereka sebagai ekstrem. Dalam kajian ke atas 10 000 belia pada 2014, lebih separuh golongan muda ‘melaporkan telah mengalami buli siber’ melalui Facebook.

Namun ia tidak perlu kekal sebegini. Di AS, kajian Sekolah Kesihatan Harvard pada 2011 mendapati

sekolah yang mempunyai program anti-buli dapat menurunkan separuh kadar buli, dengan yang terburuk di peringkat sekolah pertengahan (biasanya berusia 11 hingga 14 tahun).

Kisah di Norway pula lebih baik. Pada 2009, Telenor Norway dan rakan mewujudkan program membasi-basi buli siber kebangsaan. Ia mencecah beratus sekolah dan puluhan ribu pelajar, memberi anak-anak, ibu bapa dan guru-guru maklumat tentang cara mencegah buli siber.

Hasilnya? Tiga per empat daripada kanak-kanak yang menyertainya mengaku mereka kini tahu perkara yang diperlukan untuk mengelakkan buli melalui telefon dan Internet.

Itulah perbezaan yang dapat dilakukan oleh satu perbualan ringkas di rumah dan di sekolah!

## *Penipuan jualan dalam talian dan kecurian identiti maklumat peribadi*

Naluri kita tahu jika sesuatu indah khabar daripada rupa, namun kadangkala kita perlu sedikit bantuan memilih di antara maklumat yang banyak. Jurujual sangat terlatih dalam pujuk rayu untuk melariskan jualan, tetapi kadangkala kesesuaian membeli sesuatu dalam talian itu kurang jelas. Mendidik diri dan anak-anak mengesan aktiviti penipuan yang boleh berlaku dalam talian dapat membantu melindungi kita daripada kecurian, pembaziran wang dan sakit kepala. Mempersoalkan di mana dan bila kita berkongsi maklumat peribadi - gambar, kad kredit, nombor akaun bank dan alamat - dapat mencegah orang lain daripada menyalahgunakan maklumat peribadi kita.

### *Serangan virus dan ancaman perisian hasad*

Mendedahkan diri kepada medan Internet yang luas turut mendedahkan kita kepada penggodam dan perisian hasad virus yang boleh menjelaskan komputer, peranti dan fail-fail penting kita. Program virus sering terlihat seperti pautan yang tidak berbahaya; mempelajari cara mengelakkannya akan membantu memelihara komputer dan peranti kita.

### *Kandungan yang tidak sesuai dengan usia*

Kita fahami bahawa anak-anak mempunyai sifat ingin tahu. Itulah yang menjadikan mereka hebat. Namun ketahuilah bahawa kandungan dalam talian boleh menjadi sesuatu yang tidak terkawal, bergantung kepada tempat anda tinggal. Kandungan berorientasi dewasa tanpa had akses mudah ditemui oleh jemari kecil, maka mendidik anak-anak tentang perkara yang baik dan tidak baik adalah wajib. Pencarian kandungan yang menonjolkan penggunaan alkohol, dadah serta pornografi sama ada melalui Internet, permainan, media sosial dan aplikasi berkaitan perlu dibincangkan dengan anak-anak.



## *Jadi, apakah aplikasi dan laman web popular di Internet yang perlu diketahui oleh ibu bapa?*



*Facebook*



*Twitter*

Dianggap sebagai tapak rangkaian sosial terbesar di Internet, capaian global Facebook membolehkan pengguna berkongsi pos, imej, nota, bahkan membeli barang dalam talian. Facebook merupakan cara yang hebat untuk berhubung dengan kawan dan keluarga. Keupayaan berhubung dengan seluruh dunia menjadikannya berbaloi untuk digunakan. Walaupun pengguna perlu berusia 13 tahun ke atas untuk membuka akaun Facebook, ramai anak kecil mempunyai akaun dan aktif. Selain mengetahui aktiviti anak mereka di FB, ibu bapa perlu bincangkan dengan mereka tentang risiko dan kepentingan tetapan privasi serta maklumat permintaan menjadi rakan yang tidak diingini.

Twitter merupakan tapak blogmikro di mana pengguna, dengan panggilan mesra ‘tweeple’, mengepos mesej ringkas-dipanggil ‘tweet’- yang tidak melebihi 140 huruf. ‘Tweeple’ juga boleh mengikuti ‘tweet’ orang lain. Ia popular di kalangan remaja yang gemar menghantar ‘tweet’ berita selebriti dan kisah hidup mereka sendiri. Ibu bapa perlu menyedari bahawa walaupun ‘tweet’ boleh dirahsiakan, ramai remaja mempunyai akaun umum, dan ‘tweet’ umum adalah biasa bagi mereka. Bincangkan dengan mereka tentang apa yang mereka pos dan betapa cepat sesuatu pos boleh tersebar. Maklumat baru akan muncul serta-merta, dan walaupun ‘tweet’ boleh segera dipadam, seseorang mungkin telah membacanya-malah mengambil syot layar, jadi kanak-kanak perlu fikir dahulu sebelum menghantar ‘tweet’. Tetapan yang betul dapat memastikan ‘tweet’ hanya sampai kepada rakan-rakan. Namun, masalah masih boleh berlaku sekalipun di kalangan rakan-rakan.



*Instagram*



*YouTube*

Aplikasi yang semua orang gunakan sebenarnya mungkin menggalakkan campuran narsisme dan kebimbangan yang berbahaya untuk kanak-kanak. Kebanyakan gambar yang dipos di Instagram adalah selfie - imej yang diambil sendiri atau oleh kawan mereka. ‘Pengikut’ kepada pengguna boleh melihat, ‘suka’ imej atau video dan memberi komen. Komen boleh menjadi sangat kejam dan ketara kerana remaja mengepos gambar mereka berpakaian renang, berpakaian dalam malah berbogel. Semua ini berkaitan dengan masalah harga diri dan diambil dengan harapan akan mendapat banyak ‘suka’ serta komen positif daripada kawan dan orang asing.

Bukan sekadar laman terbaik untuk menonton dan berkongsi video, YouTube juga adalah tapak paling popular di Internet. Daripada video latihan korporat hingga video kucing, persembahan bintang pop amatur, anda dan anak-anak boleh mencari hampir apa sahaja di YouTube. Untuk muat naik video, anda mesti berusia 13 tahun ke atas-umur minimum untuk membuka akaun Google, seperti yang ditetapkan oleh Akta Perlindungan Privasi Kanak-kanak dalam talian di A.S. Garis panduan YouTube melarang unsur seks, bogel, ganas, gangguan, tindakan yang menyalahi undang-undang, ucapan kebencian dan kandungan lain yang tidak wajar. Namun, sebuah video mungkin berciri provokatif dan tidak sesuai untuk kanak-kanak walaupun ia mematuhi garis panduan tersebut secara teknikal. Jadi, ibu bapa perlu peka akan kemungkinan anak-anak mereka melihat atau mengepos bahan yang tidak wajar. Dengan bimbingan, YouTube boleh menjadi ruang pendidikan dan hiburan yang membina. YouTube Kanak-kanak ialah aplikasi khas untuk kanak-kanak yang lebih kecil.



## WhatsApp

WhatsApp adalah aplikasi mesej mudah alih yang digunakan secara meluas di mana pengguna telefon pintar boleh bertukar mesej teks melalui Internet tanpa dikenakan caj SMS. Selain mesej teks, pengguna boleh bertukar imej, video dan klip audio; anda juga boleh membuat panggilan dengan WhatsApp. Kita boleh bermesej dengan individu atau kumpulan. WhatsApp sangat membantu dan menyeronokkan. Namun, sebagai alat komunikasi, ia juga mudah digunakan untuk bertukar kandungan yang tidak wajar dan mendedahkan pengguna muda kepada kenalan yang tidak diingini. WhatsApp sendiri menyatakan bahawa ia bukan untuk pengguna bawah 16 tahun, tetapi, ia malah popular di kalangan remaja yang lebih muda. Setelah mendaftar, ia menghubungkan anda dengan pengguna WhatsApp lain dalam buku alamat anda secara automatik dan menggalakkan anda menambah kenalan.



## Snapchat

Aplikasi mesej bergambar dan bervideo ini membolehkan pengguna mengepos kandungan yang bertahan maksimum 10 saat sahaja sebelum terpadam. Disebabkan ciri sementara setiap pos, aplikasi ini dikatakan medium yang popular untuk mengepos kandungan yang diragui, termasuk sexting. Snapchat sangat popular bagi orang muda yang banyak menggunakan untuk lawak ringan. Tetapi, ibu bapa masih perlu mendidik anak tentang bahaya jika berlebihan mengepos gambar. Ramai pengguna tersilap dengan mempercayai bahawa imej tidak dapat disimpan atau tersebar luas. Jadi, ibu bapa perlu mengingatkan anak-anak bahawa tiada apa yang boleh lenyap sepenuhnya daripada Internet. Ibu bapa juga boleh melawati Pusat Keselamatan Snapchat di laman web untuk panduan.



## Waze

Waze ialah aplikasi trafik dan pandu arah berasaskan komuniti yang terbesar di dunia. Terdapat hampir 1.5 juta pengguna di Malaysia, menjadikannya komuniti Waze yang terbesar di rantau Asia Pasifik dan 15 teratas daripada hampir 200 negara. Ramai pemandu menggunakan sekadar untuk mengetahui arah dari satu tempat ke tempat yang lain. Maklumat yang lebih terperinci juga boleh diberikan kepada komuniti ini. Namun akibatnya, anak anda mungkin secara tidak sengaja berkongsi maklumat lokasi dan laluan mereka dengan orang lain.



## Foursquare

Foursquare ialah aplikasi 'carian setempat' yang memberi maklumat kepada pengguna tentang perniagaan dan perkhidmatan (seperti restoran, kedai, hotel, bank dan stesen minyak) yang berdekatan dengan lokasi mereka ketika itu. Aplikasi ini dapat memberi cadangan yang tersendiri mengikut cita rasa pengguna berdasarkan sejarah penggunaan mereka serta data lain. Anda juga boleh mengikuti pengguna lain untuk mendapatkan maklumat daripada mereka. Swarm adalah aplikasi perkongsian lokasi dan rangkaian sosial. Aplikasi ini membolehkan pengguna berkongsi lokasi mereka dengan rakan dan mengetahui lokasi rakan mereka. Jadi, pengguna perlu berwaspada ketika menerima permintaan menjadi rakan dalam sesuatu rangkaian. Kebanyakan pengguna tidak begitu mengenali kesemua rakan mereka di rangkaian sosial. Tanpa disedari, kanak-kanak juga mungkin mendedahkan lokasi serta diri mereka kepada risiko dan orang ramai.



## LINE

Merupakan aplikasi mesej mudah alih, Line sama seperti WhatsApp di mana pengguna boleh bertukar mesej teks, video dan suara. Tetapi, Line turut menggabungkan elemen media sosial dan menawarkan ciri-ciri yang digemari remaja seperti beribu-ribu pelekat dan emoji yang menarik, serta permainan. Kebanyakan ciri-ciri ini perlu dibeli dan kanak-kanak mudah terbawa-bawa lalu berbelanja berlebihan di Kedai Line. Ada juga Lakon Line, satu rangkaian sosial berasaskan avatar yang membolehkan aktiviti lepak dan berpesta dengan lebih 20 juta rakan baru. Seperti rangkaian sosial lain, kanak-kanak perlu dingatkan bahawa identiti dalam talian boleh jadi mengelirukan meskipun ia tidak menipu secara terang. Line merupakan contoh cara golongan muda masa kini berkomunikasi dan bersosial (syarikat ini menganggarkan lebih 1.8 juta pelekat dihantar dan diterima setiap hari pada 2014) dan bimbingan ibu bapa dapat memastikan ianya kekal sebagai bentuk ungkapan yang sihat bagi generasi baru.



## Tinder

Tinder ialah aplikasi janji temu untuk pengguna dewasa mencari pasangan romantis dengan pengguna lain yang berada di lokasi yang sama. Sebenarnya, ia sering digunakan untuk pertemuan santai berunsur seks. Kanak-kanak juga boleh mengakses aplikasi ini, dan mungkin terjumpa gambar profil yang ditujukan untuk mereka yang lebih matang. Ciri kedudukan geografi dan ketanpanamaan Tinder juga mendedahkan diri kepada gangguan dan pengintipan pemangsa dalam talian. Tidak seperti aplikasi media sosial yang dibina berdasarkan rangkaian rakan-rakan, idea di sebalik Tinder adalah berkongsi profil dan imej anda dengan orang asing dan mungkin berjumpa dengan mereka tanpa dirancang. Ibu bapa perlu mengingatkan anak-anak mereka bahawa aplikasi ini cuma untuk orang dewasa. Kanak-kanak yang mencubanya berisiko untuk menjadi sasaran pemangsa dan penipu.



## Vine

Aplikasi perkongsian video yang menghadkan video selama enam saat atau kurang, Vine telah menjadi platform yang mengandungi imej seksual, penggunaan dadah, bogel dan bahasa yang tidak wajar, tetapi turut mempunyai video anak anjing, anak kucing dan bayi. Jika anak-anak anda menyertai vine, kenalan mereka akan menentukan apa yang mereka lihat.



## Permainan dalam talian

Kebanyakan bahaya yang dihadapi golongan muda di media sosial – seperti pemangsa, buli siber, kandungan yang tidak sesuai dan ketagihan Internet – juga ada di dunia permainan dalam talian. Ibu bapa perlu peka dengan ciri permainan dalam talian yang digemari anak mereka, dan hakikat bahawa banyak yang menonjolkan kandungan berunsur seks dan ganas. Walaupun banyak filem dan hiburan lain yang mempunyai kandungan yang sama, permainan dalam talian mempunyai tambahan elemen pelakuan peranan yang mungkin memberi lebih kesan negatif kepada tingkah laku kanak-kanak di dunia sebenar. Hubungan dalam talian dengan pemain lain juga boleh membawa masalah.



## Apa yang perlu saya katakan?

Revolusi media sosial yang tidak pernah pudar menjadikan peranan ibu bapa di zaman ini sukar. Kami telah rumuskan petua dan cara memulakan perbincangan dengan anak-anak agar menggunakan Internet dan aplikasinya dengan penuh tanggungjawab.

### Mulakan perbualan

Andalah yang paling mengenali anak-anak anda. Duduk bersama mereka dan bincangkan faedah-faedah Internet - daripada belajar hingga ke rangkaian sosial, hiburan dan membuka peluang. Bersama-sama, terokai cara untuk menambah pengetahuan mereka melalui Internet. Dalam perbincangan yang sama, wujudkan perancangan realistik bagi mengelakkan penyalahgunaan Internet. Guna bahasa yang paling sesuai dalam perhubungan anda untuk mewujudkan dialog yang selamat dan terbuka.

Jika anak-anak sudah mula menggunakan Internet, ketahui tapak dan aplikasi yang mereka gunakan, cara ia berfungsi dan jika terdapat sebarang risiko di sampingnya (seperti hubungan dengan orang asing dan buli siber). Biar anak-anak tahu yang mereka tidak akan menghadapi masalah dengan anda jika seseorang buat mereka rasa tidak selesa atau menggunakan perkataan yang berbahaya dan menyakitkan hati terhadap mereka dalam talian. Mereka perlu rasa selesa untuk memaklumkan anda tentang sebarang pengalaman mereka dalam talian dan tahu bahawa anda akan cuba membantu mereka.


### Biasakan diri dengan etiket Internet

Sebagaimana wujudnya peraturan sosial dalam masyarakat kita, ada juga peraturan asas dalam talian yang perlu kita patuhi. Perkara terpenting untuk ditanyakan pada diri - 'patutkah saya mengeposnya?' dan 'adakah sesiapa yang akan terasa atau tersinggung dengan pos ini?' Berfikir selama 10 atau 30 saat tentang pos yang kita muat naik dan akibatnya adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial kita.

Kami suka mengikut pendapat bahawa jika pos itu bukan sesuatu yang mahu kita kongsikan dengan keluarga, ia juga mungkin tidak sesuai untuk dikongsikan dalam talian.

### Buat peraturan, namun akur bahawa anda tidak dapat memantau gerak-geri anak-anak sepanjang masa semasa dalam talian

Buat peraturan umum dalam talian agar anak-anak kekal selamat dan bijak. Buat satu peraturan agar anak-anak perlu minta kebenaran anda sebelum memuat turun sebarang aplikasi ke peranti mudah alih mereka supaya anda menyedarinya. Jika anak anda mahu menyertai platform media sosial,



tentukan tetapan keselamatan profil bersama-sama untuk memilih yang paling selesa bagi anda.

### Nasihati anak agar tidak memberitahu kata laluan kepada sesiapa

Ini termasuklah kawan baik mahupun teman lelaki atau teman wanita. Berkongsi kata laluan boleh merosakkan identiti dalam talian anak anda, dan merahsiakannya untuk kegunaan sendiri adalah yang terbaik.

### Menetapkan had umur pada telefon pintar, komputer riba, tablet dan komputer meja anak anda

Sebagai ibu bapa, anda boleh menetapkan had umur di telefon pintar, komputer riba, tablet dan komputer meja anak anda bagi menghalang mereka memuat turun atau membeli aplikasi dan program tertentu. Oleh kerana peningkatan perisian dan perkakasan yang pesat, berserta kehadiran teknologi yang sesuai, ibu bapa perlu biasakan diri dengan manual pengguna untuk memahami cara ia berfungsi untuk mewujudkan persekitaran yang selamat untuk anak-anak mereka.


# Soalan penting untuk ditanyakan anak anda tentang Internet

Untuk anak-anak yang sedia terhubung dengan masyarakat Internet, berikut adalah soalan-soalan yang bagus tentang penggunaannya untuk ditanyakan kepada mereka<sup>†</sup>

Q1

## Penggunaan teknologi umum

1. Apakah laman web kegemaran kamu? Apa yang kamu buat di laman-laman web ini?
2. Apakah laman web kesukaan kawan-kawan kamu ketika ini?
3. Pernahkah kamu dihubungi oleh seseorang yang tidak dikenali dalam talian? Jika pernah, apa yang mereka mahukan? Apa yang kamu lakukan? Bagaimanakah kamu bertindak balas?
4. Pernahkah kamu terima mesej yang membuat kamu rasa terganggu? Bagaimanakah kamu bertindak balas?
5. Bagaimana kamu menjaga keselamatan diri ketika dalam talian?
6. Adakah kamu risau orang membaca tulisan seseorang yang tidak benar tentang kamu dalam talian tetapi menganggapnya benar?
7. Pernahkah kamu berbual dengan sesiapa dalam talian yang bukan daripada sekolah kamu?



Q2

## Buli siber


1. Pernahkah kamu berbalah atau meletakkan entri yang menyinggung di Instagram, Facebook, Twitter atau laman media sosial kamu? Mengapa?
2. Pernahkah kamu memadam suatu pos atau komen yang ditulis oleh orang lain di laman kamu?
3. Adakah buli siber kerap berlaku? Adakah kamu rasa selesa jika dapat memberitahu bahawa kamu dibuli di alam siber?
4. Adakah kamu rasa sekolah kamu memandang serius tentang buli siber?
5. Pernahkah kamu terpaksa menghubungi guru atau orang lain di sekolah disebabkan ancaman siber? Jika pernah, adakah mereka bertindak dan adakah ia membantu?
6. Adakah sekolah kamu mempunyai cara untuk merahsiakan pelapor buli dan buli siber?
7. Adakah kamu rasa teman-teman menyokong kamu jika kamu beritahu yang kamu dibuli di alam siber?
8. Pernahkah kamu dikritik ketika bermain dalam talian?
9. Pernahkan kamu terpaksa meninggalkan permainan dalam talian kerana seseorang mengganggu dalam talian?
10. Pernahkah khabar angin tentang kamu tersebar di sekolah kerana sesuatu yang dikatakan dalam talian?
11. Dapatkah kamu ketahui siapa yang memulakan khabar angin tersebut? Apa tindakan kamu setelah mengetahuinya?
12. Pernahkah kamu menyekat sesiapa dalam talian kerana merasa terganggu? Jika pernah, dapatkah ia menghentikannya?

<sup>†</sup>Sumber: Sameer Hinduja, Ph.D. dan Justin W. Patchin, Ph.D., 'Pencegahan Buli Siber: Soalan Ibu bapa Perlu Tanya Anak-anak Mereka Mengenai Teknologi', Ogos 2013

Q3

*Sexting*

1. Adakah kamu menghantar gambar melalui teks? Adakah kamu menerima gambar? Jika ada, daripada siapa?
2. Adakah pelajar di sekolah mengambil banyak gambar menggunakan kamera telefon bimbit mereka? Apa yang mereka buat dengan gambar tersebut?
3. Pernahkah kamu menggunakan Skype atau Facetime dengan kawan-kawan?
4. Adakah kamu menggunakan Snapchat? Boleh kamu terangkan cara ia berfungsi? Adakah kamu rasa gambar benar-benar telah tiada?
5. Pernahkah kamu ketahui sesiapa melakukan atau mengucapkan sesuatu yang tidak sesuai di Skype atau Snapchat?
6. Tahukah kamu apa itu sexting? Pernahkah orang dewasa di sekolah bercakap dengan kamu tentang sexting?
7. Pernahkah orang asing menghantar teks tanpa berselindung kepada kamu? Apa yang kamu buat dengan teks-teks ini?
8. Pernahkah kawan menghantar gambar atau teks tanpa berselindung atau menyingga kamu?
9. Tahukah kamu akan akibat menghantar gambar-gambar yang tidak sepatutnya (undang-undang pornografi kanak-kanak)?



Q4

*Rangkaian sosial yang selamat dalam talian*

1. Apakah laman sosial yang paling kerap kamu gunakan? Berapa ramai teman atau pengikut yang kamu ada?
2. Apa jenis orang yang kamu jumpa di Instagram dan Facebook? Adakah kamu berhubung dengan orang yang kamu kenali? Atau kamu bertemu dengan orang di seluruh dunia?
3. Adakah kamu dapat ramai kawan atau menerima orang asing? Jika ya, bagaimanakah kamu menanganinya?
4. Adakah kamu menggunakan Twitter? Untuk apa? Siapa yang kamu ikuti dan siapa yang mengikuti kamu?
5. Tahukah kamu cara menggunakan tetapan privasi di Instagram, Facebook dan Twitter?
6. Adakah kamu tetapkan supaya mereka yang diterima sebagai kawan sahaja yang dapat melihat pos kamu? Bagaimana kamu tahu siapa yang dapat melihat maklumat kamu?
7. Apakah jenis maklumat peribadi yang kamu pos dalam talian? Pernahkah kamu mengepos nama penuh kamu? Usia? Sekolah? Nombor telefon? Lokasi sekarang?
8. Pernahkah kamu ditanda dalam gambar yang membuatkan kamu rasa marah?
9. Tahukah kamu cara mengedit tetapan privasi agar sesiapa yang mahu menanda kamu di dalam pos atau gambar perlu meminta kebenaran kamu?
10. Tahukah kamu cara menghapus tanda diri sendiri pada gambar?
11. Adakah kamu rasa laman sosial patut digunakan untuk meluahkan kekecwaan kamu? Adakah kawan kamu meluahkan perasaan di media sosial? Adakah sesiapa memberi komen? Apa kata mereka?
12. Apakah jenis video yang kamu tonton di YouTube? Pernahkah kamu memuat naik video?
13. Pernahkah kamu melaporkan video yang tidak sepatutnya kamu tonton di YouTube? Atau laman web lain?
14. Adakah sesiapa tahu kata laluan atau kod laluan kamu di laman atau aplikasi media sosial? Bagaimana dengan komputer atau telefon bimbit kamu?



## BAB EMPAT

## Kisah benar tentang kanak-kanak dan Internet

Jika anda tertanya-tanya, 'bagaimana penglibatan keluarga saya dalam dunia Internet?' berikut adalah beberapa jawapannya. Keluarga dan golongan muda di Malaysia, Myanmar, India dan Thailand menceritakan kisah daripada pengalaman mereka sendiri tentang bagaimana Internet menjadi alat yang berkuasa dalam kehidupan mereka serta cabaran dan pengajarannya.



### Mariammah Subramaniam

Malaysia

Mariammah Subramaniam, seorang ejen insurans dan ibu kepada empat anak, dibesarkan di rumah tanpa elektrik, apatah lagi Internet. Tiga orang anaknya sudah dewasa tetapi yang bongsu, Cathryn Anila baru berusia 15 tahun. Bagaimanakah Mariammah menjaga keselamatan Cathryn semasa dalam talian?

Keputusan Mariammah sebelum itu untuk melibatkan diri dengan Internet membuatkan dia berasa selesa untuk berbincang tentang keselamatan dalam talian dengan Cathryn. Mariammah sendiri yang membuka akaun Facebook untuk anaknya sebagai hadiah hari lahir. Dia mahu Cathryn menikmati keseronokan media sosial tetapi turut menekankan risiko serta memberi gambaran sebenar tentang media sosial sebagai alat yang berkuasa: 'Saya minta dia menggunakan untuk kebaikan. Saya minta dia pilih sesuatu yang diminatinya dan gunakan ruang dalam talian ini untuk sesuatu yang baik.'

Mariammah dan suaminya telah memilih pendidikan, kepercayaan dan pemerkasaan berbanding larangan keras. Mereka berusaha membina rasa tanggungjawab dalam diri anak mereka dan bukannya mengarah anak mereka.

Adakah ianya mencukupi pada zaman dan masa ini, ketika satu klik boleh memberi kesan yang berkekalan? Mariammah mengakui risikonya, namun percaya bahawa pengawasan yang ketat tidak akan menyelesaikan masalah. 'Klik tersebut boleh berlaku bila-bila, di mana-mana. Hari ini saya boleh duduk di sebelah dan membimbangnya, tetapi esok dia mungkin bersendirian. Bagaimana dia hendak membuat keputusan pada ketika itu?'

Selain panduan moral, Cathryn juga mempunyai rakan-rakan yang saling mengambil berat. Keselamatan Internet kini menjadi isu yang penting bagi ibu dan juga anak. Mariammah mengadakan sesi keselamatan dalam talian untuk anak-anak di kejiranannya. 'Saya beritahu mereka supaya berwaspada semasa dalam talian, kini dan akan datang. Bakal majikan mungkin membuat carian dalam talian untuk menilai prinsip dan kelakuan mereka.' Cathryn pula sudah menjumpai minatnya. Dia terlibat dalam kempen keselamatan Internet dan kini bercita-cita menjadi seorang peguam hak kanak-kanak.



## Nitipong Boon-long

Thailand

Nitipong Boon-long, 43, merupakan ayah kepada dua anak lelaki berusia 9 dan 12 tahun. Keluarga En. Boon-long bertuah kerana memiliki tiga buah telefon bimbit dan empat iPad di rumah, menjadikan penggunaan Internet yang tinggi bagi keluarganya ‘pada bila-bila masa sepanjang hari.’ Baginya, kegunaan Internet yang paling penting adalah untuk ‘ilmu dan permainan.’ Anak-anak lelaki En. Boon-long sangat sukakan permainan dalam talian yang popular seperti Fifa15 dan Minecraft, menggunakan tablet sebagai pilihan utama di rumah.

Bagi En. Boon-long, yang paling merisaukan keluarganya tentang keselamatan Internet adalah ‘penggodaman maklumat peribadi dan penipuan bil,’ yang boleh menular dalam persekitaran permainan. Memandangkan anak-anaknya banyak menggunakan Internet di rumah, En. Boon-long dapat memantaunya, namun tidak dapat berada di rumah bersama mereka setiap masa.

Kata Boon-long, ibu bapa boleh mendidik keluarga supaya JANGAN klik berdasarkan keadaan. Dalam

persekitaran permainan, iklan timbul dan skim tambah nilai menggoda pengguna muda dengan tawaran yang melampau, kebanyakannya imej-imej yang kelihatan ‘selamat’ dan ‘comel’. Mendidik pengguna muda agar tidak mengklik tanpa kebenaran orang dewasa akan mengurangkan risiko penggodam, menghalang aktiviti penipuan. Malah, banyak peranti, aplikasi dan program yang mempunyai tetapan bagi mencegah pengguna ‘mengklik’ iklan-iklan palsu. Ibu bapa akan dapat manfaat dengan membaca manual pengguna dan membiasakan diri dengan permainan bagi mencegah kecurian identiti.



## Sudhir Jain

India

Sudhir Jain merupakan profesional kewangan berusia 44 tahun dan ayah kepada dua orang remaja. Anak gadisnya Shreya, 16, dan anak lelaki Shreyansh, 14, adalah anak-anak milenium yang terdedah kepada dunia digital pada usia yang sangat muda. Dengan empat peranti mudah alih di rumah, keluarga Sudhir sentiasa terhubung dengan Internet. Penggunaannya pelbagai – daripada pembayaran, tempahan tiket, projek sekolah, pembelian dan permainan dalam talian serta media sosial. Tiada satu pun aspek dalam aktiviti harian mereka yang tidak berkaitan dengan Internet. Anak-anak Sudhir gemar bermain Pacman, Candy Crush, Angry Birds, Temple Run dan Subway Surfer pada alat tersebut.

Keluarga Sudhir menggambarkan penggunaan Internet di India; kebanyakan trafik didorong oleh Facebook, WhatsApp, YouTube, Instagram dan ask.fm. Aplikasi popular lain termasuklah Hungama untuk muzik dan Truecaller.

Kerisauan utama Sudhir tentang Internet untuk keluarganya adalah aktiviti memancing data e-mel, mesej fitnah dan ancaman virus perisian hasad.

Ancaman-ancaman itu berbahaya terutamanya untuk anak-anak yang mengakses Internet melalui telefon pintar, konsol permainan dan tablet, menghabiskan dua hingga tiga jam dalam talian sehari.

Sudhir telah menghadiri bengkel keselamatan Internet – Uninor WebWise – di sekolah anaknya dan mahu menyelidik dengan kerap topik ini agar sentiasa mengetahui perkembangan risiko dan ancaman siber.

Sebagai bapa kepada anak remaja, Sudhir dan ibu bapa seperti perlu lebih berhati-hati dalam memberi keseimbangan antara ruang dan mendidik mereka tentang aspek keselamatan. Bagi Sudir, mendidik anak-anak tentang ‘bahaya orang asing’ dalam talian dan tingkah laku Internet yang sesuai sangat penting. Melindungi anak-anak daripada buli siber dan pendedahan kepada pemangsa seks juga penting. Baginya, anak-anak perlu menggunakan Internet di bawah pengawasan orang dewasa dan dibimbing untuk menggunakan dengan bijak.



## Arkar Min Aung & Wai Yan Min Htay

Myanmar


Wai Yan ialah seorang doktor dari Yangon, baru tamat pengajian di sekolah perubatan dan temannya, Arkar juga dari Yangon, seorang pembangun perisian yang kini mencari kaedah untuk meningkatkan akses kanak-kanak Myanmar kepada pendidikan dalam talian.

Jelas Arkar, 'Bagi mereka yang belum pernah menggunakan Internet, saya akan katakan bahawa ia sesuatu yang menghubungkan mereka dengan semua perkara dan semua orang di dunia. Saya akan katakan bahawa Internet adalah tempat di mana kita dapat mengetahui sesuatu dengan bertanyakannya berbanding hanya menerima apa sahaja yang diberikan oleh TV dan radio. Saya juga akan beritahu mereka, melalui telefon atau komputer yang terhubung dengan Internet, mereka dapat melihat, bukan hanya mendengar, anak-anak atau saudara-mara yang bekerja atau tinggal jauh daripada mereka. Ianya sangat hebat bila difikirkan.'

Kata Wai Yan, Internet kini sungguh berbeza - berbanding tahun-tahun awal ketika dia mula menggunakaninya. Paling ketara, katanya, anda

boleh berada dalam talian di mana-mana dan pada dasarnya, anda boleh menjadi sesiapa sahaja melalui telefon bimbit dan Internet tanpa wayar. Di saluran media sosial, anda dapat bersembunyi di sebalik profil palsu dan melayari kehidupan orang lain. Anda boleh menyebarkan maklumat palsu dan juga boleh menjadi mangsa kepada maklumat palsu. Kisahnya ketika bertugas mencegah penyakit di kampung-kampung di antara Thailand dan Myanmar sungguh mengejutkan. 'Pada satu waktu, penduduk kampung enggan menerima vaksin melawan Filariasis yang kami berikan kerana mereka terbaca di media sosial bahawa ia beracun dan akan membunuh mereka,' jelas Wai Yan. 'Sudah tentulah ianya tidak benar. Dan itu hanyalah satu contoh. Baru bunganya sahaja.'

Kata Wai Yan, apa yang perlu diingati adalah jangan percaya pada semua yang dibaca atau pada orang yang berbual dengan kita di Internet yang belum pernah kita temui dalam kehidupan sebenar. Internet dapat - dan paling banyak digunakan - untuk perkara yang hebat. Dia menjadi peserta di Telenor Youth



Summit dan pergi ke Oslo kerana berpeluang untuk memohon semasa dalam talian. Tanpa Internet, dia pasti tidak akan mendapat peluang ini. Sebenarnya, peluang sebegini banyak dalam talian, katanya.

Wai Yan dan Arkar bersetuju bahawa penyelia dan ibu bapa perlu prihatin tentang cara penggunaan Internet anak-anak mereka. Ada ibu bapa yang jahil dan menyangka tiada apa yang serius boleh terjadi kepada anak-anak mereka melalui Internet - baik atau buruk. Amat penting bagi ibu bapa agar

mengambil tahu dan menggalakkan namun turut memaklumkan mereka tentang kebaikan dan keburukan Internet. Ibu bapa perlu buat anak-anak rasa selesa untuk berbincang dengan mereka jika berhadapan dengan perkara yang tidak wajar di Internet.

Jika ibu bapa dapat membimbing anak-anak menggunakan Internet secara positif, mereka akan dapat lebih faedah yang diharapkan daripada Internet, kata Arkar dan Wai Yan.



# Jadi, bagaimakah kita hendak terus mendidik diri tentang keselamatan amalan Internet?


Hakikatnya, dengan perkembangan Internet yang pesat, tiada satu sumber maklumat yang dapat mengesan penggunaan Internet anak-anak anda. Namun, apa yang boleh kita lakukan ialah meneruskan komunikasi terbuka dengan anak-anak agar mereka sentiasa rasa selamat untuk berkongsi ilmu dan melaporkan jika ada sesuatu yang tidak kena.

Namun, bagi anak-anak yang memiliki telefon pintar sendiri, terdapat aplikasi untuk ibu bapa yang mahu mengesan lokasi anak-anak mereka seperti Life 360, percuma dengan Android dan iOS. TimeAway adalah alat percuma Android yang membolehkan ibu bapa meletak sekatan, menghadkan aplikasi, mengesan lokasi dan menentukan jadual penggunaan pada telefon pintar anak anda. Aplikasi percuma MamaBear pada Android dan iOS membantu ibu bapa mengesan

aktiviti media sosial, mengurus penggunaan aplikasi dan mengesan lokasi anak anda bersama isyarat ketika mereka tiba dan meninggalkan destinasi. Anda juga boleh terima isyarat jika anak menambah kenalan, menggunakan perkataan terlarang atau memuat naik dan menanda gambar di media sosial.


Perisian pemantauan Internet terbaik namun sangat mahal adalah mSpy, sesuai untuk semua peranti dan komputer di seluruh dunia. Mempunyai lebih sejuta pengguna di seluruh dunia, mSpy adalah perisian intip untuk anak anda, mengesan sejarah sesawang, imej, video, e-mel, SMS, ketukan kekunci dan lain-lain dengan enkripsi 256 bit. Alternatif yang murah dan juga berkesan mengikut cara lama ialah perbualan dan kerjasama dengan anak-anak anda agar berkongsi peranti dan kisah mereka.

## Kesimpulan



Bagi berjuta anak muda dan pengguna baru, Internet membuka pintu kepada lautan maklumat dan pembelajaran yang menarik... namun bersama risiko kecurian, penipuan, buli, penyalahgunaan dan perisian hasad. Kita semua bertanggungjawab memastikan anak-anak kita dilengkapi bukan sekadar cara mengakses Internet, malah maklumat yang betul agar kekal selamat ketika belajar dan berkomunikasi di Internet.

Kita mungkin bimbang melihat anak-anak kini lebih kerap berhubung dengan Internet melalui telefon bimbit - lebih sukar untuk dipantau dan diselia pada setiap masa. Keselamatan anak-anak semasa dalam talian menggunakan telefon mereka terbina melalui perbualan dan kepercayaan kita terhadap mereka. Begitulah cara mereka meningkatkan kemahiran hidup dan ketahanan di dunia dalam talian. Rumusan daripada semua yang kita baca dalam buku ini, berikut adalah beberapa peraturan mudah untuk anda.



### *Hadkan masa anak anda berada dalam talian*

Tetapkan tempoh untuk anak bebas berbual, bermain atau bersosial dalam talian. Kemudian, hadkan penggunaan komputer dan telefon bimbit mereka untuk kerja sekolah atau aktiviti berfaedah.

### *Teruskan berbincang dan belajar bersama-sama anak anda*

Saling berbual dan bertanyakan soalan tentang teknologi. Berkomunikasi secara terbuka dan cuba kekalnada yang positif dan menyakinkan. Penting untuk anak mengetahui bahawa mereka boleh berbual dengan anda tentang perkara baik dan buruk. Contohnya, jika mereka melakukan kesalahan di Internet atau melawati laman yang tidak sepatutnya. Jangan keterlaluan menghukum jika mereka bersalah. Ini penting jika anda mahu mereka terus bercerita tentangnya kepada anda di masa akan datang.

### *Berkongsi maklumat Internet dan kekalkan keakraban*

Minta mereka tunjukkan laman web kegemaran mereka dan lain-lain perkhidmatan Internet serta pastikan anda tahu semua akaun dalam talian mereka. Jangan biarkan anak anda berkongsi kata

## *Perbendaharaan kata Internet*

### 0101 *Algoritma*



Pengiraan matematik mengikut langkah bertatacara bagi memproses data dan menghasilkan penaakulan sistematis. Contoh: Algoritma Facebook membantu pengguna mengetahui kandungan yang sesuai dengan kecenderungan dan sejarah pengguna. Algoritma Facebook juga memahami cara yang digemari pengguna ketika 'berada' di Facebook dengan menunjukkan maklumat yang bersesuaian dengan pengguna.



### *Bilik bual*



Sebuah ruang di Internet yang menawarkan komunikasi interaktif spontan dengan pengguna.



### *Buli siber*



Tingkah laku buli yang berlaku dalam talian, melalui bilik bual, media sosial dan e-mel. Buli siber biasanya mengancam dan menakutkan, dan dianggap komunikasi berbahaya di kalangan pengguna Internet.

### *Dinding sosial*

Di media sosial, dinding sosial merupakan satu bahagian milik pengguna profil di mana pengguna lain boleh menulis mesej, berkongsi pautan dan gambar-gambar.



### Enjin carian

Sebuah program di Internet yang menyediakan keupayaan carian untuk pengguna, biasanya melalui bola yang ditonton dalam talian, yang dihantar ke komputer atau telefon bimbit anda dalam aliran data yang berterusan melalui Internet.



### Media penstriman

Media, seperti video, lagu malah perlawan bola yang ditonton dalam talian, yang dihantar ke komputer atau telefon bimbit anda dalam aliran data yang berterusan melalui Internet.



### Perisian hasad virus

Program perisian berbahaya di Internet yang pantas tersebar, biasanya dalam bentuk perisian intip (perisian yang mengintip komputer untuk mendapatkan data peribadi).



### Platform

Dalam perisian dan perkakasan, kerangka yang membolehkan perisian tertentu dilancarkan.



### Media sosial

Aplikasi dan laman web di mana pengguna berinteraksi di rangkaian sosial di Internet, dengan keupayaan berkongsi kandungan. Contoh yang popular adalah Twitter, LinkedIn dan Facebook.



### Media terbenam

Fail dan pmain media yang terdapat di laman web, seperti animasi GIF, klip video dan pmain audio.



### Profil sosial

Dalam rangkaian sosial, profil pengguna adalah identiti pengguna tersebut, biasanya mengandungi maklumat mengenai pengguna, lokasi, nama pengguna, pilihan, status perkahwinan, jantina dan seumpamanya.



### Program VoIP

Perisian suara melalui protokol Internet (dan kadangkala perkakasan) yang membolehkan panggilan telefon melalui transmisi Internet.



### Pemangsa dalam talian

Seseorang yang menggunakan Internet untuk mengesan seseorang dengan cara yang berbahaya, terutama yang menggunakan Internet untuk mengumpan kanak-kanak ke dalam bahaya.



### Penggodam

Pengguna Internet yang menggunakan data elektronik untuk akses data pengguna lain. Penggodam selalunya dapat mengakses maklumat peribadi seperti akaun bank dan profil pengguna untuk mencuri identiti.



### Selfie

Apabila seseorang mengambil gambar dirinya sendiri, ia dipanggil 'selfie'. Biasanya, selfie diambil menggunakan telefon pintar milik pengguna itu sendiri dan dikongsikan di media sosial.



### Viral

Penyebaran maklumat dan kandungan yang pantas melalui rangkaian sosial, laman web dan e-mel di Internet.

# Bacaan tambahan

*'5 Cara Melindungi Gadis daripada Buli Dalam Talian'*. SheKnows. 5 Jan. 2012.

*'Statistik Buli Siber'*. BullyingStatistics.org. n.d. Web. 2013.

*'Kanak-kanak Dalam Talian'*. AACAP.org. Akademi Psikologi Kanak-kanak & Remaja Amerika. t.t. Web. 2014.

*'Kanak-kanak dan Permainan Video: Bermain dengan Keganasan'*. AACAP.org. Akademi Psikologi Kanak-kanak & Remaja Amerika. t.t. Web 2011.

*'Buli Siber & Media Sosial'*.

MeganMeierFoundation.org. n.d. Web. 2014.

*'Cukup Setakat Ini'*. InternetSafety101.org. n.d. Web. 2014.

*'Pendidikan e-Keselamatan'*. iSAFE.org. n.d. Web. 2014.

*'Piawaian Masyarakat Facebook'*. Facebook.com. n.d. Web. 2014.

*'Berikan Kebahagian: Limpahi Internet dengan Kebaikan'*. DoSomething.org. n.d. Web.

*'NetSmartz 411'*. Netsmarts411.org. Pusat untuk Kanak-kanak yang Hilang dan Teraniaya Kebangsaan.t.t. Web. 2014.

*'Penyalahgunaan Dalam Talian'*. Twitter.com. Twitter.com Support and Help Desk. n.d. Web. 2014.

*'Pemangsa 101'*. InternetSafety101.org. n.d. Web. 2014.

*'Celik Berkongsi: Bantu Anak Anda Kekal Selamat di Rangkaian Sosial'*. NSPCC.org.uk. n.d. Web. 2014.

Michele Borba, EdD. SheKnows. *'Buli di Ruang Siber'*. 14 Okt. 2008. Web.

Collier, Anne. *'Celik Media Sosial dalam Sebuah Aplikasi'*. ConnectSafely.org. 16 Jan. 2015. Web.

LeClerc Greer, Katie. *'Persoalan Lama Tentang Peranti'*. iKeepSafe.org. 9 Jun. 2014. Web.

Captain Marlowe. *'Berhati-hati Sebelum Berkongsi'*. iKeepSafe.org. 10 Dis. 2014. Web.

Martin, Amanda. HoneyKidsAsia. *'Keselamatan Dalam Talian untuk Kanak-kanak'*. 21 Feb. 2014. Web.

McKay, Tiernan. SheKnows. *'Mampukah Anda Mengusir Anak-anak Daripada Facebook?'*. 22 Mac. 2012. Web.

Offenbacher, Taryn. SharedHope.org. *'5 Statistik Menakutkan Tentang Keselamatan Internet'*. 7 Ogos. 2013. Web.

Perets, Abbi. SheKnows. *'Buli Siber'* 5 Jan. 2014. Web.

Prabhu, Trisha. Pesta Sains Google 2014. *'Fikir Semula: Cara Berkesan Mencegah Buli Siber'*. Web.

# Hubungi:

## Cyber999

Insiden keselamatan komputer boleh dilaporkan kepada Cyber999 melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Borang atas talian di [https://www.mycert.org.my/online\\_form/index.html](https://www.mycert.org.my/online_form/index.html)
2. E-mel ke [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my)
3. SMS ke 15888 melalui format berikut:  
CYBER999 REPORT (e-mel)(aduan) ke 15888. Setiap SMS akan dikenakan bayaran RM0.15.
4. Telefon – Waktu Pejabat: 1-300-88-2999 / 24x7 (Kecemasan): +6019 - 266 5850. Panggilan ke MyCERT dan Talian Penting Cyber999 akan dirakam semasa waktu pejabat (9:00 pagi – 6:00 petang).
5. Cyber999 Mobile Apps boleh didapati di App Store atau Google Play

## Forum Konsumer Komunikasi dan Multimedia di Malaysia ([www.cfm.org.my](http://www.cfm.org.my))

Laporkan isu-isu berkaitan pengguna atau masalah berkaitan pembekal perkhidmatan Internet melalui:

1. Talian Penting: 1800-182-222
2. E-mel ke [aduan@cfm.org.my](mailto:aduan@cfm.org.my)
3. Portal Aduan CFM (CoP) di [www.complaint.cfm.org.my](http://www.complaint.cfm.org.my)

## Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia ([www.cmcf.my](http://www.cmcf.my))

Laporkan kandungan menjelikkan seperti pornografi, keganasan dan SMS yang tidak sesuai (mengandungi penipuan, komplot atau kata-kata lucu) melalui:

1. Talian Penting: 1800-882-623
2. E-mel ke [secretariat@cmcf.org.my](mailto:secretariat@cmcf.org.my)
3. Portal Aduan CFM (CoP) di <http://www.cmcf.my/online-form-online-content>

## Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia ([aduan.skmm.gov.my](http://aduan.skmm.gov.my))

Anda boleh membuat aduan kepada SKMM sebagai langkah terakhir:

1. Talian Penting: 1800-188-030
2. E-mel ke [aduanSKMM@cmc.gov.my](mailto:aduanSKMM@cmc.gov.my)

## Childline Malaysia

Laporkan penderaan, buli, pengabaian dsb. terhadap kanak-kanak dan orang dewasa ke talian 24 jam:

1. Talian Penting: 15999 (Panggilan melalui DiGi adalah percuma)
2. Tapak Web: [http://stopchildabuse.unicef.my/protect\\_reportAbuse.html](http://stopchildabuse.unicef.my/protect_reportAbuse.html)

# Hubungi:

## Pertubuhan Pelindung dan Penyelamat Kanak-Kanak

Rujuk isu-isu berkaitan perlindungan kanak-kanak dari penderaan seks dan eksploitasi melalui:

1. Telefon: 03-7957 4344
2. E-mel: protect@psthechildren.org.my

## Befrienders

Befrienders menyediakan perkhidmatan persahabatan rahsia 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

1. Talian Penting: 03-7956 8144 & 03-7956 8145 (24 jam)
2. E-mel: sam@befrienders.org.my
3. Atau telefon untuk membuat temujanji.  
Befrienders beroperasi di No.95 Jalan Templer, 46000 Petaling Jaya.

## TAPAK WEB

### Digi Cybersafe

[www.digi.cybersafe.my](http://www.digi.cybersafe.my)  
[www.digi.com.my/digicybersafe](http://www.digi.com.my/digicybersafe)

### Klik Dengan Bijak

[www.klikdenganbijak.my](http://www.klikdenganbijak.my)

### Pertubuhan Pelindung dan Penyelamat Kanak-Kanak

[www.psthechildren.org.my](http://www.psthechildren.org.my)

### Hentikan Penderaan Terhadap Kanak-Kanak

<http://stopchildabuse.unicef.my>

### UNICEF

[www.unicef.org/malaysia](http://www.unicef.org/malaysia)

